

Pada pendapat saya, tanggapan awal saya pada kursus Pemikiran Sains Teknologi dari sudut kandungan utama ialah bahawa kursus ini merupakan suatu kursus yang mengajar kita untuk mengenali lebih mendalam tentang sejarah kewujudan teknologi yang kita gunakan sehingga ke hari ini. Mengikut kandungan utama yang terdapat dalam kursus ini, kita boleh dapati bahawa kursus ini juga ada menceritakan tentang revolusi-revolusi yang terdapat dalam teknologi dan juga kesannya pada manusia. Bagi saya, kursus Pemikiran Sains Teknologi ini adalah sangat relevan. Hal ini kerana apabila kita belajar tentang sejarah sesuatu teknologi itu, maka akan timbul rasa cinta dalam teknologi sejourus dapat menanamkan sifat menghargai sesuatu perkara itu. Maka kita dapat membina sifat yang positif dalam diri kita. Terdapat beberapa jangkaan manfaat tentang mempelajari Kursus Pemikiran Sains Teknologi. Antaranya ialah pelajar yang mengambil kursus ini dapat mencipta teknologi yang lebih hebat di masa akan datang. Selain itu, pelajar dapat menceritakan pada orang awam tentang kepentingan dalam mengembangkan teknologi kita supaya kita tidak tenggelam dek zaman. Sepanjang saya mengambil kursus ini, saya akan memberikan komitmen seperti sentiasa menghadirkan diri ke kelas ini sebaik mungkin. Saya juga tidak akan melengahkan kerja kursus yang akan diberi oleh pensyarah.

NAMA: NUR ALEEYA SYAKILA BINTI MUHAMAD SUBIAN

NO. MATRIKS: A19EC0127

